

17/10/1997

Mahathir garis 7 cabaran Asean (HL)

far; Wan Sabariah Shikh Ali; Faizal Fadzil; Azizi Othman
PETALING JAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan negara anggota Asean supaya berhati-hati terhadap kegiatan spekulasi wang panas jangka pendek, dalam keghairahan mereka menarik pelaburan asing.

Menurut Perdana Menteri, ketika mata wang beberapa negara rantau ini masih merasai kesan kegiatan manipulasi pihak tertentu, perlu ada perbezaan yang jelas antara operasi spekulasi jangka pendek untuk mengaut keuntungan dengan pelaburan serius dalam kegiatan produktif.

Berucap merasmikan Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean (AEM) ke-29 di sini, Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, Asean terus mengalu-alukan kedatangan pelaburan jangka panjang tetapi perkembangan dalam pasaran modal bagi tempoh lima bulan lalu menunjukkan betapa rapuhnya negara Asean kepada pelbagai bentuk penyalahgunaan.

Sehubungan itu, negara anggota Asean perlu bekerjasama dalam merumuskan dasar ekonomi makro bagi memastikan pencapaian pertumbuhan berterusan bagi seluruh rantau.

Perdana Menteri turut menggariskan tujuh cabaran yang perlu ditangani Asean bagi menjadikannya pertubuhan serantau yang relevan dengan alaf baru.

Asean, kata Perdana Menteri, memerlukan integrasi ekonomi lebih kukuh untuk menghadapi persekitaran belum pasti menjelang abad ke-21 serta menangani sebarang tindakan pihak yang mempunyai kekuatan dan pengalaman mengeksploitasi kelemahan negara di rantau ini.

Dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan sepanjang kewujudannya, Dr Mahathir yakin Asean akan bergerak ke tahap lebih membanggakan dalam lima tahun pertama alaf baru seperti digariskan dalam Sidang Kemuncak Asean ke-4 di Singapura pada 1992.

"Untuk menjadikan Asean badan yang relevan pada alaf akan datang, kita perlu mempunyai wawasan jangka panjang. Dua puluh lima tahun dari sekarang, adakah kita akan melihat Asean menjadi pasaran bersama seperti Kesatuan Eropah (EU) sebelum ini?

"Adakah kita menetapkan sasaran untuk menjadi pasaran tunggal atau kesatuan ekonomi seperti EU? Apa yang pasti ialah kita perlu mengambil langkah tegas ke arah integrasi ekonomi yang lebih kukuh kerana kita akan menghadapi persekitaran yang belum pasti dalam abad ke-21.

"Sementara kita patut sentiasa mengelak daripada menyalahgunakan sistem, kita mesti berhati-hati terhadap kemungkinan pihak lain mengeksploit kelemahan kita. Asean mempunyai tanggungjawab untuk menjaga keamanannya sendiri dan menyumbang kepada keamanan dunia," katanya.

Sesi AEM kali ini dihadiri sembilan negara termasuk anggota baru, Laos dan Myanmar manakala Kemboja hadir sebagai pemerhati. Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Dr Mahathir berkata, cabaran utama Asean ialah jurang pembangunan yang terlalu luas antara anggota asal dengan negara yang baru menyertainya walaupun matlamat pengasas pertubuhan serantau ini mewujudkan Asean 10 hampir tercapai.

Oleh itu, inisiatif pembangunan Lembangan Mekong harus dijadikan jentera menggerak pembangunan ekonomi anggota baru Asean, yang menerusinya, Asean boleh bekerjasama membina infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, landasan keretapi, lapangan terbang dan pelabuhan serta kemudahan

pendidikan dan latihan, pelaburan dan pengurusan yang bukan sahaja memberi manfaat kepada negara berkenaan tetapi bagi kepentingan serantau.

(END)